

SOALAN NO: 89**PARLIMEN MALAYSIA**
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Dato' Raja Kamarul Bahrain Shah bin
Raja Ahmad [Kuala Terengganu]****TARIKH : 2 Ogos 2017****SOALAN : Dato' Raja Kamarul Bahrain Shah bin
Raja Ahmad minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan: -**

apakah perancangan kerajaan mengatasi
masalah kemiskinan di kalangan komuniti
nelayan-nelayan di Malaysia hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan projek bagi membantu komuniti nelayan di negara ini untuk keluar dari garis kemiskinan. Antara program-program tersebut adalah:

- (1) Bantuan infrastruktur dan latihan modal insan melalui program azam tani dan *touch point*;
- (2) Program pinjaman mudah kepada nelayan;
- (3) Pemberian elaun sara hidup kepada nelayan;
- (4) Pelaksanaan skim subsidi diesel dan petrol nelayan;
- (5) Pelaksanaan projek khas perumahan nelayan;
- (6) Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA);
- (7) Program latihan kemahiran insentif;
- (8) Penyediaan pusat kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak dan generasi muda nelayan; dan
- (9) Program geran pemandanan usahawan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini berpandangan bahawa perkara paling utama adalah nelayan sendiri haruslah berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi memastikan mereka dapat keluar dari masalah kemiskinan selain program dan galakan yang disediakan oleh Kerajaan.